



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KERATAN AKHBAR 3 DISEMBER 2017

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

ISU : PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL DAN VOKASINAL (TVET)

Bil	Tarikh/ Hari	Akhbar & Tajuk Berita	Ruang/ Muka Surat	Pihak Terlibat
1.	03.12.2017 Ahad	BERITA HARIAN Memperkasa bidang TVET sejak awal	Pendidikan 18	UNISEL

Memperkasa bidang TVET sejak awal

[FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH]

Putrajaya: Pelaksanaan pelbagai Program Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) perlu dilihat secara lebih menyeluruh kerana platform itu mampu melahirkan lebih ramai tenaga kerja mahir tempatan, sekaligus menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara jangka panjang.

Pengarah Institut Kejuruteraan Sukan, Pusat Kecemerlangan Universiti Selangor (UNISEL), Prof Madya Ir Dr Muhidin Arifin, berkata lebih penting pelajar digalakkan membabitkan diri secara aktif dalam pelaksanaan program latihan berkenaan yang turut menawarkan bidang kerjaya meluas serta pendapatan lumayan.

Beliau berkata, pelajar perlu didedahkan dengan kemahiran dan kepentingan TVET dengan menyeluruh dalam pembelajaran kuliah sejak daripada awal lagi.

Katanya, penguasaan ilmu TVET berupaya memberi nilai tambah untuk mereka aplikasikannya apabila memasuki alam pekerjaan kelak.

“Justeru, kerjasama erat dengan pihak industri amat penting untuk mendedahkan pelajar dengan keperluan sebenar industri kerana kita mahu graduan dilahirkan nanti bukan setakat cemerlang akademik, sebaliknya menepati kriteria diperlukan majikan,” katanya.

Fakta nombor
RM4.9 BILION

peruntukan bagi melaksana pelan induk TVET menerusi Bajet 2018

Memiliki minat tinggi
Sementara itu, Pengerusi Eksekutif Teamwork All Gain Sdn Bhd (Tag Auto), Mohd Asri Mustapha Kamal, berkata kolaborasi tiga komponen, iaitu institusi pengajian tinggi, industri dan komuniti penting bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan program TVET yang dilaksanakan kerajaan seiring era globalisasi teknologi kini.

“Semua pihak khususnya pelajar perlu memiliki minat tinggi untuk terokai bidang ini kerana potensinya amat besar, di samping mewujudkan budaya pencipta serta dapat mengurangkan kebergantungan negara terhadap tenaga kerja mahir luar,” katanya.

Muhidin (kiri) bersama Mohd Asri pada sidang media di Putrajaya, baru-baru ini.

